KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	06.09.22	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	TNB			

Harian Metro | Selasa 06.09.2022 @hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 27

bisnes

Kerjasama TNB, NUR Power sedia penyelesaian tenaga pintar

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) menjalin kerjasama strategik dengan NUR Power Sdn Bhd (NUR Power) untuk menyediakan penyelesaian tenaga pintar dan tenaga boleh baharu (TBB) sebagai sumber utama elektrik masa hadapan.

Sumber disediakan kepada pelanggan NUR Power di kawasan perindustrian Kulim Hi-Tech Park (KHTP), Kedah serta kawasan lain yang berlesen di bawah NUR Power.

Memorandum Persefahaman (MoU) mengenainya ditandatangani bagi membolehkan pemasangan sistem solar fotovoltaik (PV) atas bumbung, solar berskala besar serta penyediaan prasarana pengecas kenderaan elektrik dapat diberikan kepada seluruh pelanggan di kawasan KHTP.



MEGAT Jalaluddin (duduk, dua kiri) bersama Pengarah Urusan NUR Power, Ikwan Hafiz Jamaludin menandatangani MoU.

Memandangkan permintaan global tenaga hijau berkembang, NUR Power komited untuk melabur dalam mengembangkan tenaga solar bagi meningkatkan bekalan TBB dan menuju ke arah pematuhan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi menarik pelabur asing serta domestik.

Melalui kerjasama ini, TNB memperoleh rakan strategik lain bagi melaksanakan inisiatif TBB bersama dengan NUR Power sebagai pembekal elektrik eksklusif kepada KHTP dan kawasan berlesen lain.

Pelanggan di KHTP dapat menikmati kelebihan harga yang kompetitif untuk penyelesaian solar atas bumbung daripada kerjasama antara anak syarikat milik penuh TNB, GSPARX dan anak syarikat milik NUR Power, JS Solar.

Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan, berkata kerjasama antara TNB dan NUR Power menandakan satu perkembangan yang amat memberangsangkan kepada negara dan TNB kerana ia sejajar aspirasi TNB, iaitu mempercepatkan peralihan tenaga kepada tenaga hijau.

"TNB berhasrat mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 dan satu daripada inisiatif utama untuk mencapai aspirasi ini adalah melalui membina kerjasama utama dan memperkukuh perkongsian yang akan membantu kami memacu agenda Peralihan Tenaga dengan lebih jauh lagi," katanya.